

TERMA DAN SYARAT

1. **STESEN RADIO** : Husa Network Sdn Bhd (Manis Fm)

2. **NAMA PERADUAN** : Peraduan 'Meksha Mencari Cinta'

3. **HURAIAN RINGKAS PERADUAN** :Rancangan Ini adalah peraduan atas talian untuk berpeluang memenangi wang tunai RM 50 dengan hanya memberikan 10 patah perkataan kata – kata cinta paling romantik.

4. MEKANISME RINGKAS PERADUAN

- a) Dengarkan meksha dalam semanis cinta untuk dengarkan kod cinta 'meksha mencari cinta'
- b) Jadi pemanggil terpantas di talian 09-6241008 , berikan kod cinta dan lafazkan 10 patah perkataan kata – kata cinta
- c) Jika anda berjaya menambat hati meksha dengan 10 patah perkataan yang paling romantik, wang tunai rm 50 akan menjadi milik peserta

5.KRITERIA KELAYAKAN

a) Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang mencapai Umur Kelayakan sepertimana dinyatakan di bawah.

b) Peserta mestilah seorang warganegara Malaysia dan memiliki Kad Pengenalan Malaysia yang sah.

6. KETIDAKLAYAKAN GOLONGAN BERIKUT TIDAK LAYAK UNTUK MENYERTA PERADUAN INI: -

(a) Pekerja-pekerja/Kontraktor-Kontraktor/Pembekal-Pembekal dan suami, isteri, anak-anak, ibu-bapa dan adik-beradik Husa Network Sdn Bhd (Manis Fm).

(b) Telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM1,000 atau kurang daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh tiga puluh (30) hari sebelum menyertai Peraduan ini.

(c) Telah memenangi hadiah (atau hadiah-hadiah) yang bernilai RM1,001 – RM5,000 daripada pihak Stesen Radio dalam tempoh sembilan puluh (90) hari sebelum menyertai Peraduan ini.

7. UMUR KELAYAKAN

a) Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas pada masa penghantaran penyertaan atau pada tarikh penyertaan Peraduan.

b) Dalam situasi di mana Peserta di bawah umur 18 tahun dibenarkan menyertai Peraduan ini, Peserta tersebut mesti mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa atau penjaga Peserta untuk memasuki Peraduan ini dan menerima Hadiah. Pihak Penganjur menganggap bahawa ianya merupakan tanggungjawab ibu bapa atau penjaga Peserta di bawah umur 18 tahun untuk memantau penyertaan Peserta di dalam Peraduan ini. Ibu bapa atau penjaga mungkin, tertakluk kepada budibicara mutlak pihak Penganjur, dikehendaki untuk menandatangani satu indemniti dalam bentuk yang dikehendaki oleh pihak Penganjur sebagai salah satu pra syarat kelayakan penerimaan Hadiah Peserta di bawah jagaan ibu bapa atau penjaga terbabit.

8. Caj Caj telekomunikasi lazim yang dikenakan oleh pembekal khidmat telekomunikasi Peserta.

9. Tempoh Peraduan 12 September 2021 – 21 Oktober 2021. Pihak Penganjur berhak untuk mengubah, melanjutkan atau menangguhkan Tempoh Peraduan atau mana-mana tarikh, atau menetapkan tarikh baru mengikut budi bicara mutlak.

10. **BAHASA PERADUAN** : Bahasa Malaysia

11. Pemakluman Pemenang Pemenang akan dimaklumkan selepas Peraduan.